

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [PENGERANG]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedang mengkaji permohonan untuk membina sebuah hospital di daerah Pengerang kerana pada masa kini terdapat masalah ketiadaan doktor serta kelengkapan yang mencukupi termasuk masalah pengangkutan kerana hanya terdapat sebuah ambulan sahaja untuk membawa pesakit ketika kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, belum ada perancangan untuk membina hospital di kawasan Pengerang. Memandangkan kawasan Pengerang terletak di dalam daerah Kota Tinggi, perkhidmatan hospital yang terdekat untuk penduduk di kawasan Pengerang yang mempunyai jumlah seramai 57,280 penduduk adalah di Hospital Kota Tinggi (lebih kurang 40km dari kawasan Pengerang). Walaubagaimanapun, bagi perancangan jangka panjang untuk pembinaan sebuah hospital di Penawar (kawasan Pengerang), Kementerian Kesihatan sedang di

dalam usaha mengenalpasti tanah yang sesuai untuk pembangunan tersebut di mana pelaksanaannya tertakluk kepada keupayaan sumber termasuk anggota kepakaran.

Pada masa ini, terdapat **5 buah klinik kesihatan (KK)** sedia ada dalam Parlimen Pengerang iaitu KK Bandar Mas, KK Penawar, KK Sening, KK Sg Rengit dan KK Pengerang. Untuk makluman, terdapat 2 projek pembangunan klinik yang sedang dilaksanakan iaitu Klinik Kesihatan Bayu Damai yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada hujung tahun 2015 dan Pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Rengit dengan Perkhidmatan Khas yang kini sedang dalam proses tender.

Untuk 5 buah klinik sedia ada di kawasan Pengerang, bilangan perjawatan Pegawai Perubatan yang telah diluluskan sebanyak 21 perjawatan manakala bilangan Pegawai Perubatan yang diisi adalah seramai 14 orang. Berdasarkan beban kerja masa kini di klinik-klinik kesihatan tersebut, di mana purata seorang pegawai perubatan merawat 38 orang pesakit sehari (1:38), maka buat masa ini tiada keperluan mendesak untuk mengisi kesemua perjawatan pegawai perubatan yang telah diluluskan tersebut. Untuk makluman, norma nisbah seorang pegawai perubatan merawat pesakit adalah 1:50.

Bagi penyediaan ambulan, di Pengerang mempunyai 3 buah ambulan yang dalam keadaan baik dan boleh digunakan, iaitu masing-masing di KK Penawar, KK Bandar Mas dan KK Pengerang. Memang terdapat kekurangan 2 buah ambulan kerana sebuah ambulan di KK Sg Rengit telah dilupuskan pada tahun 2013 dan kini sedang menunggu penggantian, manakala sebuah lagi di KK Sening juga dalam proses pelupusan dan akan diganti.

Tuan Yang Di-Pertua,

Hospital yang terdekat dengan Daerah Pengerang adalah Hospital Kota Tinggi yang mempunyai 11 orang Pegawai Perubatan dan dibantu oleh 134 orang Jururawat dan 23 orang Penolong Pegawai Perubatan. Perkhidmatan kepakaran diberikan oleh pakar-pakar dari Hospital Sultan Ismail secara berkala.

KKM tiada perancangan untuk membina hospital baru di Daerah Pengerang kerana buat masa ini Hospital Kota Tinggi boleh menampung keperluan penduduk di Pengerang. Perancangan untuk naik taraf Hospital Kota Tinggi telah diletakkan di bawah RMKe-12.